

18 JAN 2001

Kemalangan-Mati

EMPAT TERBUNUH DALAM KEMALANGAN DI LEBUH RAYA TUN RAZAK

KUANTAN, 18 Jan (Bernama) -- Empat lelaki terbunuh dalam kemalangan yang melibatkan sebuah kereta dan tiga buah lori di Lebuhraya Tun Razak di sini hari ini.

Mereka dikenal pasti sebagai pemandu kereta Chua Joo Hai, 21, dari Gambang di sini, Moo Chee Leong, 36, dari Kuala Lumpur, Raja Ahmad Asfihani Raja Chulan, 21, dari Ipoh dan Zulfikri Roslan, 18, dari Bukit Sekilau, Kuantan.

Ketua Daerah Polis Kuantan ACP Ghazali Mohd Amin berkata dalam kemalangan di KM 34.6 pada 2.20 petang, kesemua mereka mati di tempat kejadian.

Mayat mereka kemudiannya dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan di sini.

Ghazali berkata pemandu-pemandu ketiga-tiga lori terdiri Sahar Talib, 46, Azmi Abdul Rahman, 32, dan Mohd Nasir Mahat, 39, tidak cedera.

Menurutnya, kejadian itu berlaku apabila kereta yang dinaiki empat lelaki itu dalam perjalanan dari Segamat menuju ke Kuantan terbabas dan bertembung dengan lori yang dipandu oleh Sahar.

"Lori Sahar kemudiannya dilanggar oleh Azmi yang berada di belakang sebelum ianya dilanggar pula oleh lori yang dipandu oleh Nasir," kata Ghazali.

Ketiga-tiga lori itu dalam perjalanan pulang ke Muar dari Gambang selepas menghantar muatan baja.

-- BERNAMA

HIS MAI